

NO. SOALAN: 513

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kesan-kesan negatif gejala “gores dan menang” atau “koyak dan menang” dan apakah langkah-langkah Kementerian memperbaiki/ meminda undang-undang yang sedia ada untuk membanteras/ mengawal gejala tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian amat prihatin dan sentiasa memantau aktiviti sindiket yang menjalankan aktiviti gores dan menang agar pengguna tidak terpengaruh dan terjebak. Sekiranya tidak dipantau dan dibendung ianya akan memberi kesan-kesan negatif, antaranya seperti berikut:

- i. Kebiasaannya pengguna akan memperoleh barangan yang tidak setimpal dengan harga yang dibayar;
- ii. Kualiti barang yang diterima oleh pengguna tidak diketahui tahap keselamatannya;
- iii. Menimbulkan tekanan emosi kepada mereka yang terpedaya; dan
- iv. Imej kerajaan akan tergugat kerana sindiket gores dan menang sering dilibatkan dengan aktiviti haram yang berunsurkan keganasan serta melibatkan kumpulan-kumpulan haram (*gangster*) dan aktiviti gelap.

Kementerian sedang mengkaji keberkesanan peruntukan undang-undang sedia ada dan sedang berusaha kearah penambahbaikan sekiranya diperlukan. Selain itu, kementerian juga sentiasa mengambil langkah-langkah berterusan dalam usaha membanteras gejala gores dan menang ini. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

- i. Menggerakkan Pasukan Petugas Khas Membanteras Penipuan Gores dan Menang di peringkat pusat dan negeri bagi menjalankan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi lain;

- ii. Mewujudkan dan mengemaskini profil (*profiling*) terhadap pihak yang terlibat melalui perisikan, aduan dan pemantauan;
- iii. Meningkatkan penguatkuasaan di kawasan-kawasan tumpuan yang dijadikan pusat kegiatan gores dan menang dengan menempatkan *Mobile Unit* khususnya di Lembah Klang serta menggerakkan *Special Action squad* (SAS) dan Skwad Tindakan Aduan Resolusi (STAR);
- iv. Mengambil tindakan undang-undang dan pendakwaan ke atas mana-mana syarikat dan individu yang disyaki melakukan kesalahan menjalankan kegiatan gores dan menang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993;
- v. Membatalkan lesen syarikat jualan langsung yang menjalankan aktiviti "Gores dan Menang".
- vi. Membuat *engagement* dengan beberapa pihak pengurusan pasaraya besar supaya bekerjasama tidak membenarkan apa-apa aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang KPDNKK dijalankan di bangunan atau kawasan mereka; dan
- vii. Mempertingkatkan kesedaran pengguna melalui ceramah, dan penyaluran maklumat.